## BAHAGIAN TILAWAH AL-QURAN
## TAJUK 1 : MEMOHON KEAMPUNAN & RAHMAT ALLAH SWT

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| **1** | (a) | (i) | **X** | 1m |
| | | (ii) | **X** | 1m |
| | | (iii) | ✓ | 1m |
| | | (iv) | ✓ | 1m |
| | (b) | | **Dua** ciri yang lain daripada bertaubat:<br>- Mengaku kesalahan.<br>- Menyesal atas kesalahan yang dilakukan.<br>- Menempelak diri.<br>- Tidak berputus asa.<br><br>**Catatan** :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m = 2m |
| | (c) | | **Dua** cara untuk mendapat rahmat Allah SWT:<br>- Berlaku adil (1m) terhadap orang lain (1m).<br>- Bertaubat (1m) dengan ikhlas hati (1m).<br>- Berazam tidak akan mengulangi dosa (1m) yang dilakukan (1m).<br>- Melaksanakan ibadat (1m) dengan ikhlas dan sempurna (1m).<br>- Berkasih sayang (1m) bersama anggota keluarga dan masyarakat (1m).<br>- Membelanjakan harta di jalan Allah (1m) ketika senang atau susah (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (d) | | **Dua** kesan tidak mendapat rahmat Allah SWT terhadap individu:<br>- Ingkar (1m) kepada perintah Allah SWT (1m).<br>- Berlaku kejam (1m) terhadap orang lain (1m).<br>- Menunjuk-nunjuk (1m) ketika beribadat kepada Allah SWT (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **2** | (a) | (i) | ✓ | 1m |
| | | (ii) | ✓ | 1m |
| | | (iii) | **X** | 1m |
| | | (iv) | ✓ | 1m |
| | (b) | | Apakah yang akan terjadi sekiranya manusia berlaku zalim:<br>- Manusia akan rugi (1m) di dunia dan di akhirat (1m).<br>- Kehidupan akan menjadi porak peranda (1m) kerana tiada keberkatan (1m).<br>- Berlaku permusuhan sesama manusia (1m) kerana mengabaikan perintah SWT (1m).<br>- Hati tidak tenang (1m) kerana jauh daripada petunjuk Allah SWT (1m).<br>- Sering melakukan maksiat (1m) kerana tidak takut azab Allah SWT (1m).<br>- Mudah terpengaruh dengan godaan syaitan (1m) kerana lemah iman (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | (c) | | <u>Contoh Jawapan</u><br>Apabila melakukan kesalahan kita hendaklah segera bertaubat (1m) kerana kita dapat menyesal dan berjanji tidak akan mengulangi kesilapan lagi (2m). Perbuatan menangguh-nangguh taubat hanya akan menyebabkan seseorang itu leka dan akan mudah terpengaruh dengan godaan syaitan (3m). Kesimpulannya, kita hendaklah menyakini dengan bertaubat, manusia akan berusaha untuk melakukan kebaikan (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |

| TAJUK 2 : <u>MENYAKINI HARI KEBANGKITAN</u> | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **No. Soalan** | | | **Jawapan** | **Markah** |
| **1** | (a) | (i) | ✓ | 1m |
| | | (ii) | **X** | 1m |
| | | (iii) | ✓ | 1m |
| | | (iv) | **X** | 1m |
| | (b) | | Mengapakah angin dikatakan pembawa berita gembira:<br>- Membawa awan mendung (1m) yang mengandungi hujan (1m).<br>- Mengandungi beberapa jenis gas (1m) untuk semua kehidupan (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |
| | (c) | (i) | Pemahaman tentang perumpamaan ”Tanah yang gersang menjadi subur” dalam konteks kekuasaan Allah SWT menghidupkan semula manusia:<br>Allah SWT Maha Berkuasa menghidupkan semula orang mati (1m) seperti menumbuhkan tanaman di tanah yang gersang (1m).<br>ATAU<br>Allah SWT berkuasa mencipta kita dari tiada kepada ada (1m), adalah lebih mudah bagi Allah SWT menghidupkan semula manusia yang telah sedia ada (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | <u>Contoh Jawapan</u><br>Penyelidikan memberi banyak manfaat kepada manusia (1m) kerana ianya adalah fardu kifayah yang dituntut oleh Islam (2m). Melalui penyelidikan umat Islam dapat melihat kebesaran Allah SWT (3m). Kesimpulannya ,umat Islam hendaklah memperbanyakkan lagi penyelidikan tentang ciptaan Allah SWT supaya menjadi tempat yang cemerlang di dunia dan di akhirat (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | (i) | Contoh Jawapan<br>Membanyakkan zikir (1m) seperti mengucapkan alhamdulillah (2m). Melalui zikir umat Islam dapat mengelakkan daripada mengeluarkan perkataan yang sia-sia (3m). Kesimpulannya, umat Islam hendaklah sentiasa mengingati Allah dengan berzikir agar kehidupan dirahmatiNya (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| | | (ii) | Kelebihan jika kita bersyukur atas nikmat yang diterima:<br>- Rezeki akan bertambah oleh Allah SWT (1m) kerana kita selalu mengingatiNya (1m).<br>- Menambahkan keyakinan kepada Allah SWT (1m) bahawa Allah Maha Pemurah (1m).<br>- Jiwa menjadi tenang (1m) kerana nikmat Allah dikongsi bersama orang lain (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |
| | (e) | | Pengajaran daripada ayat di atas:<br>- Manusia hendaklah mensyukuri nikmat Allah SWT (1m) agar berada di jalan yang benar (1m).<br>- Umat Islam wajiblah menyakini bahawa Allah SWT mencipta angin, awan dan hujan (1m) sebagai rahmat yang besar kepada seluruh alam (1m).<br>- Kita hendaklah yakin dengan kekuasaan Allah SWT (1m) untuk mematikan dan menghidupkan manusia (1m).<br>- Kita hendaklah membudayakan sikap suka mengkaji (1m) untuk pembangunan negara (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |

| TAJUK 3 : MEMANFAATKAN ANUGERAH ALLAH SWT | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **No. Soalan** | | | **Jawapan** | **Markah** |
| **1** | (a) | (i) | **X** | 1m |
| | | (ii) | ✓ | 1m |
| | | (iii) | ✓ | 1m |
| | | (iv) | **X** | 1m |
| | (b) | | Fungsi akal dan telinga bagi memperolehi hidayah Allah:<br>- Akal dapat membezakan yang hak dan batil manakala telinga dapat mendengar seruan Allah SWT.<br><br>**Catatan** :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |
| | (c) | | **Dua** akibat perbuatan merempit:<br>- Meragut nyawa sendiri (1m) kerana menunggang motosikal dalam keadaan merbahaya (1m).<br>- Menyebabkan kecederaan (1m) akibat perlanggaran motosikal antara satu sama lain.<br>- Menyebabkan pergaduhan (1m) kerana tidak dapat menerima kekalahan (1m).<br>- Mengundang perkara maksiat (1m) seperti judi dan zina (1m).<br>- Menyebabkan kemalangan kenderaan lain (1m) yang menggunakan jalan raya yang sama (1m).<br>- Menyusahkan pengguna jalan raya (1m) kerana perbuatan ini menganggu orang lain (1m).<br>- Manusia lain merasa tertekan (1m) kerana menunggang motosikal yang mengeluarkan bunyi bising (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (d) | (i) | Bagaimanakah menggunakan akal fikiran:<br>- Berusaha menggunakan akal (1m) untuk menyelesaikan masalah (1m).<br>- Sentiasa memberi buah fikiran (1m) kepada orang lain (1m).<br>- Memikirkan sesuatu dengan tenang (1m) supaya masalah dapat diselesaikan dengan mudah (1m).<br>- Sentiasa berfikiran positif (1m) agar disenangi oleh guru / rakan (1m). | 1 isi x 2m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| | | (ii) | <u>Contoh Jawapan</u><br>Mudah terpengaruh (1m) dengan unsur negatif (2m) yang menyebabkan hati menjadi keras sehingga sukar untuk menerima kebenaran / menerima hidayah (3m). Oleh yang demikian, orang yang menggunakan akal semata-mata tidak akan mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| | (e) | | **Dua** pengajaran ayat di atas:<br>- Umat Islam hendaklah menghindari segala perbuatan yang keji (1m) kerana dikurniakan akal (1m).<br>- Kita hendaklah menghindari daripada penyalahgunaan nikmat (1m) agar dijauhi daripada menerima balasan Allah SWT (1m).<br>- Kita hendaklah menyakini bahawa penglihatan, pendengaran, akal dan hati (1m) adalah nikmat Allah yang paling bernilai (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m |

| TAJUK 4 : MENGINGATI ALLAH SWT MENENANGKAN HATI | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **No. Soalan** | | | **Jawapan** | **Markah** |
| **1** | (a) | (i) | ✓ | 1m |
| | | (ii) | **X** | 1m |
| | | (iii) | **X** | 1m |
| | | (iv) | ✓ | 1m |
| | (b) | | Maksud zikir:<br>- mengingati Allah SWT untuk mendekatkan diri kepadaNya. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | (c) | | **Dua** cara yang boleh anda lakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT selain berzikir:<br>- memperbanyakkan ibadat sunat.<br>- menghadiri majlis ilmu / kuliah agama.<br>- mendampingi ulamak dan orang soleh.<br>- menunaikan dan menyempurnakan ibadat fardu.<br><br>**Catatan** :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (d) | | **Dua** adab berzikir kepada Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam surah al-A'raf ayat 205:<br>- Berzikir dengan merendahkan diri.<br>- Berzikir dengan rasa takut.<br>- Berzikir dengan ikhlas.<br>- Berzikir di tempat yang bersih.<br>- Berzikir dengan penuh khusyuk.<br>- Berzikir dengan nada suara yang sederhana.<br><br>**Catatan** :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (e) | (i) | **Dua** hujah anda untuk menyokon bahawa "Umat Islam yang mengingati Allah SWT hatinya menjadi tenteram":<br>- Apabila seseorang sering membaca al-Quran (1m), ia dapat melembutkan hati untuk menerima hidayah Allah SWT (1m).<br>- Apabila seseorang selalu beristighfar (1m), ia dapat melindungi diri daripada melakukan maksiat (1m).<br>- Seseorang yang sentiasa solat fardu dengan sempurna (1m) dapat membentuk disiplin diri (1m).<br>- Seseorang yang rajin berzikir (1m) dapat menjauhi daripada godaan syaitan (1m).<br>- Apabila seseorang sentiasa berdoa dan bertawakal (1m) dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada | 2 isi x 2m<br>= 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Allah SWT (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| | | (ii) | Apakah yang akan terjadi sekiranya manusia melupai Allah SWT dalam kehidupan mereka:<br>- Kehidupan akan menjadi porak peranda (1m) kerana tiada keberkatan (1m).<br>- Berlaku permusuhan sesama manusia (1m) kerana mengabaikan perintah SWT (1m).<br>- Hati tidak tenang (1m) kerana jauh daripada petunjuk Allah SWT (1m).<br>- Sering melakukan maksiat (1m) kerana tidak takut azab Allah SWT (1m).<br>- Mudah terpengaruh dengan godaan syaitan (1m) kerana lemah iman (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (f) | | Pengajaran ayat di atas:<br>- Kita hendaklah sentiasa berzikir (1m) agar mendapat ketenangan hidup (1m).<br>- Umat Islam hendaklah sentiasa berzikir kepada Allah SWT (1m) pada setiap waktu (1m).<br>- Setiap mukmin hendaklah yakin bahawa semua malaikat sentiasa patuh dan sujud kepada Allah SWT (1m) sebagai tanda perhambaan (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |

| **TAJUK 5 : <u>KEWAJIPAN MENUNAIKAN SOLAT JUMAAT</u>** | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **No. Soalan** | | | **Jawapan** | **Markah** |
| **1** | (a) | (i) | ✓ | 1m |
| | | (ii) | **X** | 1m |
| | | (iii) | ✓ | 1m |
| | | (iv) | ✓ | 1m |
| | (b) | | Mengapakah Islam menuntut umatnya agar segera menunaikan solat Jumaat:<br>- Dapat beriktikaf (1m) dalam masjid (1m).<br>- Mendapat pahala (1m) kerana berada saf pertama (1m).<br>- Dapat mendengar nasihat (1m) dari khutbah (1m).<br>- Dapat berzikir / bertahlil / bertahmid / beristighfar (1m) untuk mengingati Allah SWT (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |
| | (c) | (i) | <u>Contoh Jawapan</u><br>Memberi nasihat (1m) kepada rakan yang menganggap kewajipan solat Jumaat sesuatu yang remeh (2m) dengan cara bijaksana dan menunjukkan contoh teladan yang baik kepada mereka (3m). Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa mencegah perkara mungkar seperti sengaja meninggalkan ibadat fardu agar hidup bahagia dunia dan akhirat (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| | | (ii) | <u>Contoh Jawapan</u><br>Solat Jumaat memberi peluang umat Islam berkenalan di antara satu sama lain (1m) hasilnya dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan masyarakat (2m) kerana ibadat ini wajib dilakukan dengan jumlah sekurang-kurangnya 40 ahli jemaah (3m). Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa menjalin ukhwwah Islamiah agar umat Islam bersatu (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | | Hubungkait solat dengan urusan seharian manusia:<br>- Mendisiplinkan urusan seharian (1m) dalam kehidupan (1m).<br>- Mendidik insan (1m) supaya ikhlas dalam setiap tindakan (1m).<br>- Mendorong murid untuk berusaha bersungguh-sungguh (1m) dalam mencapai kejayaan (1m).<br>- Menghasilkan pekerjaan (1m) yang berkualiti (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | (e) | (i) | **Dua** cara mendekatkan diri kepada Allah SWT.<br>- Berzikir (1m) seperti lafaz alhamdulillah (1m).<br>- Menunaikan solat sunat taubat (1m) untuk menyesali kesilapan yang dilakukan (1m).<br>- Menunaikan puasa sunat (1m) seperti berpuasa pada hari Isni dan Khamis (1m).<br>- Melazimi membaca al-Quran (1m) agar mendapat pembelaan di akhirat (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (ii) | <u>Contoh Jawapan</u><br>Menghilangkan sifat tamak (1m) yang boleh merosakkan jiwa (2m) agar rezeki diberkati oleh Allah SWT (3m). Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengingati Allah SWT supaya tidak lalai dalam mengejar harta dunia (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **Dua** hikmah dituntut bekerja selepas solat Jumaat:<br>- Hari Jumaat bukan khusus (1m) untuk beribadat (1m).<br>- Membuktikan Islam agama wasatiah (1m) kerana tidak mengabaikan urusan dunia (1m)<br>- Membuktikan Islam agama seimbang (1m) antara dunia dan akhirat (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (f) | | Contoh Jawapan<br>Mengurangkan pahala solat Jumaat (1m) kerana menurut Imam Syafie, sekiranya berkata-kata ketika mendengar khutbah hukumnya adalah makruh (2m). Ini kerana kita tidak memberi perhatian kepada nasihat yang dibaca oleh Khatib (3m). Kesimpulannya kita hendaklah berusaha menyempurnakan ibadat kita agar ganjaran dapat dirasai di akhirat kelak (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| | (g) | | **Dua** pengajaran ayat di atas:<br>- Kita hendaklah menjadi insan yang cemerlang (1m) agar dapat mengimbangi keperluan dunia dan akhirat (1m).<br>- Kita hendaklah sentiasa mengingati Allah SWT (1m) dengan mematuhi segala perintahNya (1m).<br>- Umat Islam hendaklah meninggalkan urusan jual beli (1m) apabila waktu solat Jumaat (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |

| **BAHAGIAN HADIS NABAWIYYAH**<br>**TAJUK 6 : AMALAN MUKMIN CEMERLANG** | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **No. Soalan** | | | **Jawapan** | **Markah** |
| **1** | (a) | (i) | Bersuci itu sebahagian daripada iman. | 1m |
| | | (ii) | Al-Quran itu hujah untuk engkau | 1m |
| | (b) | (i) | **Dua** cara bersuci selain beristinjak:<br>- Wuduk<br>- Tayammum<br>- mandi wajib<br>- mandi sunat<br><br>**Catatan** :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** kelebihan Islam menggalakkan umatnya sentiasa berada dalam keadaan bersuci seperti beristinjak:<br>- Dosa kecil terhapus (1m) kerana mendekatkan diri kepada Allah SWT (1m).<br>- Jiwa sentiasa tenang (1m) kerana mengingati Allah SWT (1m).<br>- Anggota sentiasa bersih (1m) untuk beribadat kepada Allah SWT (1m).<br>- Wajah bercahaya dan berseri (1m) seolah-olah bidadari di syurga (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | <u>Contoh Jawapan</u><br>Bersuci adalah syarat utama dalam ibadat (1m) contohnya sekiranya hendak solat kita mestilah bersuci daripada hadas (2m) kerana tanpa bersuci ibadat tidak akan diterima oleh Allah (3m). Dan sesungguhnya Allah sukakan kepada kebersihan (3m). Kesimpulannya kita hendaklah menjaga kebersihan agar dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | (i) | **Dua** amalan mukmin yang cemerlang selain solat:<br>- Wuduk<br>- Tahmud<br>- Tasbih<br>- Sedekah<br>- Sabar<br>- Membaca al-Quran | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** solat sunat yang anda ketahui:<br>- Solat sunat rawatib<br>- Solat sunat dhuha<br>- Solat sunat hajat<br>- Solat sunat tahajud<br>- Solat sunat tasbih<br>- Solat sunat taubat<br>- | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (iii) | <u>Contoh Jawapan</u><br>Iman lemah / kurang pendidikan agama (1m) menjadikan mereka tidak mensyukuri nikmat Allah (2m) Ini menyebabkan mereka menganggap solat itu sesuatu yang tidak berharga dan menyusahkan (3m). Kesimpulannya umat Islam hendaklah menyakini dengan janji Allah SWT iaitu syurga yang di dalamnya penuh dengan kenikmatan bagi orang yang menunaikan solat (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| | (d) | (i) | Akibat kepada negara sekiranya kegiatan peminta sedekah tidak dibendung:<br>- Negara akan mundur (1m) kerana melahirkan rakyat yang malas bekerja (1m).<br>- Menjatuhkan imej negara (1m) kerana mewujudkan rakyat yang suka meminta-minta (1m).<br>- Negara dipandang hina oleh masyarakat luar (1m) kerana tiada penguatkuasaan untuk mengatasinya (1m).<br>- Kestabilan negara tergugat (1m) kerana keadaan masyarakat yang tidak tenteram (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Contoh Jawapan<br>Menjadi sukarelawan (1m) dalam membantu golongan peminta sedekah atau dipanggil golongan gelandangan (2m) dengan memberi kata-kata semangat kepada mereka agar berusaha memajukan diri (3m). Kesimpulannya umat Islam hendaklah berusaha mengubah nasib diri kerana Allah benci melihat orang yang menzahirkan kefakiran dan orang yang meminta-minta (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| | (e) | (i) | **Dua** amalan yang boleh dilakukan untuk mendapat pembelaan al-Quran (وَالقُرْءانُ حُجَّةٌ لَكَ) di akhirat:<br>- memuliakan al-Quran<br>- memahami maksud ayat yang dibaca<br>- menyakini al-Quran sebagai panduan hidup<br>- membaca al-Quran dengan beradab dan bertajwid<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Contoh Jawapan<br>Jahil ilmu agama (1m) kerana tidak mengetahui kehebatan al-Quran dan keistimewaan hadis Rasulullah SAW (2m). Kejahilan ini juga kerana tidak mendalami ilmu yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis (3m). Kesimpulannya kita hendaklah berpegang teguh kepada al-Quran dan hadis seperti mana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud "**Aku tinggalkan kamu dua perkara**, **kamu** tidak akan sesat selama mana **kamu** berpegang dengan kedua-duanya, iaitu kitab Allah (Al-Qur'an) dan sunnahku" (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (f) | (i) | Contoh Jawapan<br>Pengaruh perkembangan teknologi (1m) seperti televisyen (2m) kerana remaja suka menonton sinetron dan tayangan filem (3m) sehingga, menghabiskan waktu dan tidak sempat membaca buku (3m). Pengaruh teknologi internet (1m) menyebabkan remaja kurang suka lagi mencari rujukan (2m) daripada bacaan di buku (3m). Kesimpulannya kita sebagai remaja hendaklah mencintai ilmu dengan banyak membaca seperti tokoh-tokoh terdahulu (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| | | (ii) | Apa yang akan berlaku sekiranya remaja Islam tidak merubah sikap untuk membaca buku:<br>- Akan ketinggalan (1m) tentang perkembangan dunia masa kini (1m).<br>- Tidak melatih diri untuk berfikir (1m) menyebabkan bertindak di luar kawalan (1m).<br>- Jiwa kosong (1m) menyebabkan terdorong melakukan perkara yang sia-sia (1m).<br>- Jahil dalam pelbagai ilmu (1m) kerana tidak menguasai ilmu tersebut (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |
| | (g) | | Pengajaran daripada hadis di atas:<br>- Kita hendaklah melaksanakan amalan dengan berkualiti (1m) agar mendapat pahala di akhirat (1m).<br>- Setiap mukmin hendaklah menunaikan amalan fardu dan sunat (1m) agar hidup dirahmati Allah SWT (1m).<br>- Kita hendaklah menyakini bahawa al-Quran menjadi pembela manusia di akhirat (1m) kerana membacanya semasa di dunia (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |

| TAJUK 7 : IHSAN TERHADAP BINATANG | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **No. Soalan** | | | **Jawapan** | **Markah** |
| **1** | (a) | (i) | Jika kamu membunuh, berlaku ihsanlah ketika membunuh | 1m |
| | | (ii) | Kamu hendaklah menajamkan pisau | 1m |
| | (b) | | **Dua** kepentingan belas kasihan (ihsan) terhadap binatang:<br>- mendapat ganjaran dan rahmat (1m) daripada Allah SWT (1m).<br>- melahirkan masyarakat penyayang (1m) kepada makhluk Allah SWT (1m).<br>- menunjukkan rasa hormat dan simpati (1m) terhadap binatang (1m).<br>- memelihara habitat binatang (1m) daripada kerosakan dan kemusnahan (1m).<br>- membentuk individu (1m) yang cintakan kebaikan dan bencikan keburukan (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (c) | | **Dua** perlakuan ihsan seseorang ketika membunuh binatang:<br>- Tidak menyeksa sebelum membunuh<br>- Tidak membunuh dengan kejam seperti membakar<br>- Menggunakan alat dan cara yang mempercepatkan mati<br>- Memastikan alat yang digunakan sesuai untuk membunuh<br><br>**Catatan** :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m = 2m |
| | (d) | | Cara berlaku ihsan ketika menyembelih binatang:<br>- Menggunakan pisau (1m) yang tajam (1m).<br>- Tidak tergesa-gesa (1m) ketika melapah binatang (1m).<br>- Mengelakkan menyembelih binatang (1m) di hadapan haiwan lain (1m).<br>- Membaringkan binatang sembelihan (1m) di tempat yang rata (1m).<br>- Memberi minum kepada binatang (1m) sebelum menyembelih (1m).<br>- Melakukan sembelihan secara cepat (1m) dengan sebaik-baiknya (1m).<br>- Tidak menyembelih binatang yang bunting / menyusukan anak (1m) kerana binatang dalam keadaan lemah (1m).<br>- Tidak mengheretnya secara kasar atau menyeksa | 1 isi x 2m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | badannya (1m) ketika dibawa ke tempat sembelihan (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| | (e) | (i) | ✓ | 1m |
| | | (ii) | **X** | 1m |
| | | (iii) | **X** | 1m |
| | | (iv) | ✓ | 1m |
| | (f) | (i) | **Dua** bentuk penganiayaan terhadap binatang:<br>- Menyabung / melaga binatang<br>- Memusnahkan habitat binatang<br>- Pelihara binatang dalam sangkar<br>- Melontar / menghumban binatang<br>- Memukul dan menyeksa binatang<br>- Kurung binatang tanpa diberi makan<br>- Merendam dalam air sehingga lemas<br>- Menjadikan binatang sebagai sasaran memanah<br><br>**Catatan** :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | <u>Contoh Jawapan</u><br>Bersikap kejam / suka memberontak (1m) kerana tidak menyayangi makhluk Allah SWT (1m) sedangkan sifat penyayang amat dituntut oleh Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang (3m). Kesimpulannya kita hendaklah menanam sifat hormat menghormati sekalipun perasaan hormat kepada binatang kerana ianya adalah makhluk Allah juga (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | <u>Contoh Jawapan</u><br>Tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang dosa (1m) iaitu balasan buruk kepada manusia yang melakukan kesalahan kepada Allah dan makhlukNya di dunia (2m) menyebabkan wanita tersebut tiada sifat kasihan belas terhadap binatang (3m). Kesimpulannya kita hendaklah mendalami ilmu sebelum bertindak dalam melakukan sesuatu perkara (4m).<br><br>**Catatan** :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| | (g) | | Pengajaran hadis:<br>- Umat Islam hendaklah bersikap ihsan / menyayangi binatang (1m) agar hati tidak menjadi keras (1m).<br>- Setiap umat Islam hendaklah bersifat ihsan dalam semua perkara (1m) supaya melahirkan sifat kasih sayang (1m).<br>- Kita hendaklah menghindarkan diri dari perbuatan menganiayai binatang (1m) kerana ianya makhluk Allah SWT (1m).<br><br>**Catatan** :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |